



DR 16 TAHUN 2017  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA




LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI:-  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

- KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UnISZA) DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)</b>	<b>1-17</b>
<b>2</b>	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	<b>18</b>
<b>3</b>	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
<b>4</b>	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	



**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PEROLEHAN  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)**

**1. PENDAHULUAN**

Pengurusan Perolehan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Jun 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 22 Mac 2017 iaitu dalam prosiding Bilangan 5/2017.

**2. OBJEKTIF PERBINCANGAN**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan audit berhubung pengurusan perolehan UniSZA di bawah KPT bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berikut:

- i. Mengenal pasti dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dipatuhi.
- ii. Menentukan sama ada prosedur perolehan Kerajaan dibuat sewajarnya dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Pengarah (Prestasi) JAN selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pengurusan perolehan UniSZA iaitu Ketua Setiausaha (KSU) KPT dan Naib Canselor UniSZA untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

## 4. LATAR BELAKANG

- 4.1 UniSZA ditubuhkan pada 1 Januari 2006 di bawah Akta Kolej dan Universiti 1971. Objektif utama penubuhannya adalah untuk mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang Pengajian Islam, Sains, Sains Kesihatan Bersekutu, Perubatan, Sains Makanan, Pertanian dan Bioteknologi, Teknologi Maklumat Komunikasi dan bidang pengajian yang perlu. Selain itu, UniSZA melaksanakan penyelidikan, pengumpulan, pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian tersebut. UniSZA beroperasi di 3 Kampus Universiti iaitu Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Tembila.
- 4.2 UniSZA telah membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bagi tujuan pengembangan operasi universiti, aktiviti penyelidikan dan penawaran bidang pengajian tambahan. Sepanjang tempoh 2012 hingga 2014, UniSZA telah membelanjakan sejumlah RM136.80 juta bagi perolehan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus.
- 4.3 UniSZA telah menerima peruntukan mengurus dan pembangunan berjumlah RM684.97 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014. Peruntukan pembangunan meliputi pelaksanaan projek *Private Finance Initiative* bagi pembinaan kemudahan kampus dan asrama di Tembila, Besut di bawah RMKe-9 dan beberapa projek di bawah RMKe-10 meliputi projek pembinaan Hospital Pengajar, pembinaan bangunan akademik dan pentadbiran serta perolehan peralatan.

## **5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Sesi prosiding dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU KPT, Naib Canselor UniSZA dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1. Penjelasan Awal Pengarah (Prestasi) JAN Persekutuan**

Pengarah (Prestasi) JAN telah memaklumkan pengauditan pengurusan perolehan bagi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) adalah berasaskan kepada tatacara perolehan Garis Panduan Pengurusan Kewangan bagi universiti-universiti.

Pengauditan dilaksanakan bagi tempoh 2012 hingga 2014. Berikut beberapa kelemahan bagi pengurusan perolehan UniSZA yang telah dibangkitkan:-

- i. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal tidak dilantik untuk menyediakan spesifikasi teknikal secara menyeluruh dalam perancangan perolehan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Tatacara Kewangan dan Perakaunan UniSZA;

- ii. Perolehan kerja berjumlah RM437,125 tidak mengikut spesifikasi yang diluluskan menyebabkan kerugian di pihak UniSZA. Ini kerana pengurangan dalam spesifikasi kerja yang dilaksanakan tanpa pengurangan kos dan pertambahan kerja yang dilaksanakan tidak memberi nilai tambah kepada UniSZA;
- iii. Perolehan CCTV berjumlah RM648,894 dilaksanakan tanpa perancangan yang teliti menyebabkan objektif utama pemasangan CCTV tidak tercapai. Pemantauan yang kurang berkesan juga menyebabkan perubahan spesifikasi *Storage System* tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Perolehan B terlebih dahulu sebelum pembekalan dilaksanakan;
- iv. Dokumen kontrak tidak disediakan bagi 28 sebut harga dan tiga (3) tender berjumlah RM8.62 juta;
- v. Satu (1) kontrak bernilai RM4.11 juta ditandatangani melebihi empat (4) bulan dan kontrak bernilai RM2.30 juta belum ditandatangani;
- vi. Tempoh bon pelaksanaan bagi satu perolehan sebut harga bernilai RM496,000 tidak meliputi tempoh kontrak;
- vii. Kelewatan permohonan lanjutan masa (EOT) antara 34 hingga 60 hari dan kelulusan EOT mengambil tempoh antara 13 sehingga 27 hari bagi dua (2) sebut harga;



- viii. Tempoh EOT yang diberikan melebihi tempoh asal penawaran kerja/bekalan antara 123.8% sehingga 154.8%;
- ix. Pembayaran bagi penyenggaraan Sistem ILMU PERDANA berjumlah RM30,000 dibuat pada 16 April 2014 sebelum perkhidmatan penyenggaraan diterima sepenuhnya pada bulan Disember 2014; dan
- x. Mesin pemerah susu lembu serta bekas susu aluminium berjumlah RM32,780 tidak digunakan secara optimum sejak tahun 2012 berikutan perolehan ternakan lembu hanya dilaksanakan pada tahun 2014 dan belum diperoleh sehingga akhir tahun 2014.
- xi. Peralatan pembelajaran dan penyelidikan berjumlah RM786,458 tidak diletakkan di lokasi yang bersesuaian berikutan makmal yang khusus masih dalam pembinaan menyebabkan peralatan tidak digunakan untuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan.

## **5.2 PENEMUAN PAC Parlimen**

Hasil penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

### **5.2.1 Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal**

UniSZA tidak mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan kerana Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal tidak ditubuhkan.

## **Maklum balas KPT**

UniSZA akur bahawa tiada pelantikan rasmi secara bertulis dibuat. Kelazimannya penyediaan spesifikasi dilaksanakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) UniSZA tanpa pelantikan rasmi.

Sebagai tindakan penambahbaikan, pada 1 April 2015, UniSZA mewajibkan penubuhan dan pelantikan rasmi Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal bagi semua perolehan secara sebut harga dan tender. (Surat Pekeliling penubuhan jawatankuasa spesifikasi teknikal bagi sebut harga dan tender bertarikh 1 April 2015 serta Surat Perlantikan Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal di PTJ pada tahun 2015).

### **5.2.2 Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi**

#### **– Cadangan Hiasan Dalaman Untuk Atrium & Bilik Mesyuarat Perpustakaan Bernilai RM61,000**

Kelemahan penentuan spesifikasi dan pemantauan kerja hiasan dalaman (*roller blind*, meja mesyuarat & *pigeon Hole*) menyebabkan UniSZA kerugian bagi kerja yang tidak menepati spesifikasi dalam aspek pengurangan dalam spesifikasi ubahsuai tanpa pengurangan kos perolehan. Pertambahan dalam kerja yang dilaksanakan berbanding spesifikasi asal pula tidak memberi nilai tambah kepada UniSZA.

### **Maklum balas KPT**

- i. UniSZA akur berlakunya kerja yang tidak mengikut spesifikasi kerana perubahan keperluan dalam aspek keselamatan pengguna di perpustakaan. Walau bagaimanapun tiada kerugian yang dialami oleh UniSZA ekoran daripada perubahan spesifikasi berkenaan.
- ii. Perubahan adalah untuk keperluan sekuriti pihak perpustakaan iaitu memberi ruang kepada hadangan keselamatan yang dipasang sebaris dengan EM-Gate (pintu elektronik untuk mengesan bahan perpustakaan yang dibawa keluar secara tidak sah).
- iii. Perbincangan mengenai perubahan spesifikasi telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pemantauan Siap Kerja No.2 pada 19 September 2012.
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Ke-118 (Bil.14/2012) telah meluluskan permohonan Kelulusan Kerja (KPK No. 1) bagi cadangan hiasan dalaman untuk Atrium dan Bilik Mesyuarat Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak dengan harga kurangan sebanyak RM10,200 pada 19 September 2012.

Tindakan penambahbaikan: UniSZA telah mengeluarkan Tatacara Kewangan & Manual Perolehan serta Dokumen Rujukan Berkaitan di laman sesawang Pejabat Bendahari dan memastikan PTJ merujuk kepada dokumen berkenaan. Selain itu beberapa kursus telah diadakan.

### 5.2.3 Bekalan Tidak Mengikut Spesifikasi

- **200 Unit Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) & Peralatan *Unified Multiprotocol Storage Area Network* Berjumlah RM648,894**

Kelemahan dalam perancangan awal bagi menentukan spesifikasi CCTV dan keupayaan sistem bagi menyokong paparan semua CCTV secara *real time* telah menyebabkan tambahan kos bagi perolehan peralatan tambahan. Pemantauan yang kurang berkesan juga menyebabkan perubahan spesifikasi *Storage System* tidak dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Perolehan B terlebih dahulu sebelum pembekalan dilaksanakan.

#### Maklum balas KPT

- UniSZA akur ke atas kelemahan dalam perancangan awalan ini. Walau bagaimanapun, ianya menguntungkan UniSZA untuk jangka masa yang panjang kerana ciri-ciri keselamatan yang terdapat dalam spesifikasi baru adalah lebih baik.
- Pihak UniSZA telah membuat perancangan menyeluruh mengenai keselamatan bagi tiga (3) kampus dan beberapa lokasi jabatan yang berjauhan secara bersepadu bagi memastikan ciri-ciri keselamatan bagi warga UniSZA, pelajar dan aset-aset UniSZA sentiasa terkawal.

- iii. Kelulusan perubahan spesifikasi oleh Mesyuarat Lembaga Perolehan B Ke-40 (Bil.1/2015) pada 12 Mac 2015.
- iv. Perubahan spesifikasi bekalan tersebut adalah disebabkan ketiadaan stok semasa dan pihak pembekal telah memberi peralatan yang mempunyai spesifikasi yang lebih baik tanpa implikasi kos.

Tindakan Penambahbaikan:

- Pelantikan Jawatankuasa CCTV di peringkat UniSZA.
- Memberi latihan kepada Pengawal Keselamatan supaya penggunaan CCTV dapat digunakan secara optimum.
- Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala.
- Pemantauan berterusan keberkesanan sistem ini oleh Unit Audit Dalam UniSZA.

#### **5.2.4 Kontrak Tidak/Lewat Disediakan**

Dokumen kontrak tidak disediakan bagi 28 sebut harga dan 3 tender berjumlah RM8.62 juta. Kegagalan UniSZA mematuhi peraturan perolehan iaitu tidak/lewat menyediakan kontrak menyebabkan kepentingan UniSZA tidak dilindungi.

**Maklum balas KPT**

- i. UniSZA akur ke atas kegagalan menyediakan kontrak.

- ii. Walaupun tiada perjanjian formal ditandatangani di antara oleh kedua-dua pihak, namun kesemua bekalan/perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan hati pihak UniSZA serta tiada kerugian kepada pihak Universiti.
- iii. Kontrak perjanjian telah disediakan bagi semua perolehan yang berkaitan.

Tindakan Penambahbaikan:

- Pihak UniSZA telah mengeluarkan garis panduan pelaksanaan kontrak dalam perolehan kerajaan kepada semua PTJ pada 30 April 2015.
- Pihak UniSZA telah mengeluarkan surat peringatan pelaksanaan kontrak perjanjian dalam perolehan kerajaan pada 23 Julai 2015.
- Peringatan kedua telah dikeluarkan pada 19 Jun 2015.
- Latihan diberikan kepada kakitangan di PTJ.

#### **5.2.5 Bon Pelaksanaan Tidak Meliputi Tempoh Kontrak**

Tempoh bon pelaksanaan bagi satu perolehan sebut harga bernilai RM496,000 tidak meliputi tempoh kontrak.

Maklum balas KPT

- i. UniSZA akur ke atas kelemahan pemantauan bagi tempoh liputan bon pelaksanaan seperti mana yang telah dibangkitkan.

- ii. Penubuhan Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa pada 1 Januari 2012.

Tindakan penambahbaikan: Pihak UniSZA telah mewujudkan Unit Kontrak (Pasca Perolehan) di bawah Bahagian Perolehan, Pejabat Bendahari pada April 2015 yang memantau dokumen bon pelaksanaan, penyediaan perjanjian perolehan dan memantau prestasi pembekal. Unit Kontrak ini akan memastikan bon pelaksanaan dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan termasuk liputan tempoh kontrak.

#### **5.2.6 Permohonan & Kelulusan Lanjutan Masa (EOT) Selepas Tarikh Siap Kerja Asal**

Kontraktor projek Agropreneurs – Pembinaan Reban Ayam (RM496,000) dan pembekalan perabot Meja Kerusi Komputer & Kerusi Makmal Komputer PTM (RM138,221) gagal mematuhi peraturan yang menetapkan permohonan EOT perlu dibuat dengan segera. Pemantauan oleh UniSZA juga tidak dilaksanakan dengan berkesan menyebabkan kelewatan dalam kelulusan EOT.

#### **Maklum balas KPT**

- i. Pihak UniSZA akur dengan kelemahan pemantauan EOT Kontraktor.
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa pada 1 Januari 2015.

Tindakan penambahbaikan: Pihak UniSZA telah menubuhkan satu Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa (EOT) yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan (JPP) pada 1 Januari 2015 bagi memantau pelaksanaan projek dan permohonan EOT.

### **5.2.7 EOT Melebihi Tempoh Asal Kerja/Bekalan**

EOT yang terlalu lama bagi projek Agropreneurs – Pembinaan Reban Ayam (RM496,000) dan pembekalan perabot Meja Kerusi Komputer & Kerusi Makmal Komputer PTM (RM138,221) boleh menyebabkan matlamat perolehan tersebut tidak tercapai serta tidak mencerminkan ketelusan dalam proses perolehan terutama dalam pemilihan kontraktor yang layak diberikan kontrak.

#### **Maklum balas KPT**

- i. Pihak UniSZA akur dengan kelemahan pemantauan EOT kontraktor.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga UniSZA (JSU) Bil. 14/2012 dan Bil. 4/2013 menerima alasan yang diberikan dan permohonan diluluskan atas faktor luar kawalan dengan peringatan kepada PTJ berkenaan.

Tindakan Penambahbaikan: Pihak UniSZA telah menubuhkan satu Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa (EOT) yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan (JPP) pada 1 Januari 2015 bagi memantau pelaksanaan projek dan permohonan EOT.



### **5.2.8 Pembayaran Dibuat Sebelum Perkhidmatan Diterima - Sistem Ilmu Perdana RM30,000**

Pembayaran yang dibuat sebelum perkhidmatan diterima sepenuhnya tidak mencerminkan kawalan dalaman yang baik dalam pengurusan pembayaran sesuatu perjanjian/kontrak kerana UniSZA akan terdedah kepada risiko yang tinggi sepanjang tempoh perkhidmatan yang belum diterima.

#### **Maklum balas KPT**

Pembayaran dibuat pada 16 April 2014 setelah langgan bermula. Tempoh langganan adalah untuk satu tahun (1 Januari hingga 31 Disember 2014)

Tindakan Penambahbaikan: Pihak UniSZA telah buat rundingan semula dengan pembekal. Jadual pembayaran baru telah dipersetujui sebanyak 2 kali setahun selepas lawatan penyelenggaraan dibuat.

### **5.2.9 Peralatan Tidak Digunakan Secara Optimum**

UniSZA tidak membuat perancangan yang teliti sebelum perolehan dilaksanakan. Kelewatan pembekalan haiwan ternakan menyebabkan latihan amali Kursus Produksi lembu Tenusu oleh pelajar terpaksa dilaksanakan di agensi luar dengan kekerapan sekali setahun.

Peralatan yang diperolehi awal tidak digunakan secara optimum (*Portable Machine Milking* – RM29,200 & Chum Susu Alumunium – RM3,580) dan lokasi penyimpanan aset yang tidak sesuai kerana terdedah kepada perubahan cuaca.

### **Maklum balas KPT**

- i. *Portable Machine Milking* adalah alatan pengajaran dan pembelajaran digunakan semaksimumnya untuk kursus-kursus bagi program Ijazah Muda Produksi Kesihatan Haiwan dengan Kepujian serta sesi amali dan penyelidikan.
- ii. Sehingga 2016, seramai 135 orang graduan telah dikeluarkan oleh UniSZA untuk program Ijazah Muda Produksi Kesihatan Haiwan dengan Kepujian.
- iii. Kelewatan pembekalan haiwan ternakan kerana lambat mendapat kelulusan Jabatan Pembangunan Haiwan Thailand. Walau bagaimanapun pembekalan ini telah selesai pada penghujung Mac 2015 dan telah ditempatkan di Ladang Pasir Akar.

#### **5.2.10 Penyimpanan Aset Di Lokasi Yang Tidak Sesuai Dan Tidak Selamat**

Pengurusan lokasi penempatan aset adalah kurang memuaskan kerana penempatan aset tidak mengambilkira aspek *practicality* dan keselamatan kepada pelajar serta

pengguna peralatan tersebut. Ini akan mengakibatkan aset tidak digunakan secara optimum serta membahayakan keselamatan pengguna makmal.

### **Maklum balas KPT**

- i. Penempatan semula alatan makmal ekoran perpindahan dari Kampus Gong Badak ke Kampus Besut pada September 2014 secara sementara sehingga makmal analisis makanan siap sepenuhnya.
- ii. Kerja penyediaan makmal telah disiapkan dan peralatan tersebut telah siap ditempatkan di lokasi yang betul pada 16 April 2015.

#### **5.2.11 Pemantauan**

Mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh UniSZA adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaksanaan pemantauan kurang berkesan kerana terdapat ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan dan kelemahan pentadbiran kontrak.

### **Maklum balas KPT**

- i. Pemantauan dibuat melalui Rancangan Audit Tahunan (RAT) oleh Unit Audit Dalam (UAD) pada tahun 2015 – 2017.

- ii. Garis Panduan Pelaksanaan Kontrak Perjanjian Dalam Perolehan Kerajaan dikeluarkan pada 30 April 2015.
- iii. Surat Edaran Peringatan Pertama Pelaksanaan Kontrak Perjanjian dalam Perolehan Kerajaan dikeluarkan pada 23 Julai 2015.
- iv. Surat Edaran Peringatan Kedua Pelaksanaan Kontrak Perjanjian dalam Perolehan Kerajaan dikeluarkan pada 19 Jun 2016.

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 5(a)/2017 pada Rabu 22 Mac 2017**

## **6. RUMUSAN PAC PARLIMEN**

PAC Parlimen memandang serius terhadap ketidakpatuhan yang berlaku dan meminta KPT untuk memperkukuh serta menyelaraskan peraturan kewangan dan pengurusan perolehan UniSZA.

## **7. SYOR PAC PARLIMEN**

- 7.1 Pihak Universiti perlu memastikan adanya satu sistem pengurusan yang cekap dari segi pentadbiran dan pengurusan kewangan kerana jumlah peruntukan yang disalurkan kepada universiti-universiti awam di seluruh negara adalah sangat besar.
- 7.2 Peranan Audit Dalam di setiap universiti perlu diperkukuhkan lagi bagi memastikan pelaksanaan pengurusan perolehan di universiti adalah teratur.
- 7.3 UniSZA harus menggunakan prosedur kewangan sedia ada selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan.
- 7.4 KPT perlu melihat semula semua peraturan dan tatacara kewangan universiti-universiti bagi menyelaraskan urusan kewangan universiti.
- 7.5 Unit Integriti dan Audit Dalam UniSZA perlu membuat siasatan dalaman terhadap ketidakpatuhan pengurusan perolehan UniSZA.

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 5(a)/2017 pada Rabu 22 Mac 2017**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL. 5/2017 PADA RABU 22 MAC 2017  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN SEMENTARA  
PARLIMEN**

<b>TARIKH / HARI / MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT</b>
<p style="text-align: center;"><b>22 Mac 2017 (Rabu)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>11.00 pagi</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>Pengurusan Perolehan Universiti:</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="571 1115 1023 1218" style="text-align: center;"><b>1. Universiti Pertahanan Malaysia</b></li><li data-bbox="603 1308 991 1411" style="text-align: center;"><b>2. Universiti Malaysia Kelantan</b></li><li data-bbox="563 1478 1031 1581" style="text-align: center;"><b>3. Universiti Zainal Abidin (UNISZA)</b></li></ol>	<p style="text-align: center;"><b>Kementerian Pengajian Tinggi</b></p>




# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Bilangan 5(a)/2017 pada Rabu 22 Mac 2017**

Bil. 5(a)

Rabu  
22 Mac 2017



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

#### **Mengenai:**

Pengurusan Perolehan Universiti:-

Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

- Kementerian Pendidikan Tinggi

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 22 MAC 2017**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Puan Lavinia A/P Vyveganathan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat,  
Parlimen Malaysia]  
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Juhari bin Haron [Pengarah Sektor Audit Prestasi]  
Puan Nor Sabariah binti Abdul Wahab [Timbalan Pengarah Sektor Audit Prestasi]  
Puan Wan Nurfaridah binti Wan Adnan [Penolong Pengarah Sektor Audit Kewangan]  
Encik Muhammad Fareez bin Yahya [Penolong Pengarah Sektor Audit Kewangan]  
Puan Norhafizah binti Rosnan [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kewangan]  
Puan Nurul Izani binti Nawawi [Penolong Juruaudit Sektor Audit Prestasi]  
Puan Mazura binti Rabu [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kewangan]  
A S Sinarao [Timbalan Ketua Audit Dalam KKR]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

YBrs. Dr. Jamaluddin bin Mohd. Ali [Ketua Unit (TTP) BSKK]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

YBhg. Dato' Sabariah binti Hassan [Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)]

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (K)A2]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan  
(Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Encik Amir bin Omar [Pengarah (Seksyen Pembangunan Modal Insan)]

Puan Norsiah binti Uddin [Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Tinggi  
(Seksyen Pembangunan Modal Insan)]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Pendidikan Tinggi**

YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur [Ketua Setiausaha]

YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir [Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi]

Encik Wan Kozil bin Wan Ahmad [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset)]

Cik Norina binti Jamaludin [Pengarah (Bahagian Governan IPTA) JPT]

Puan Alice Suriati binti Mazlan [Ketua Komunikasi Korporat]

Encik Zamley bin Mohd Nayan [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kewangan)]

Encik Elfian Sateria bin Yaacob [Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha KPT]

Encik Mohamad Din bin Jaafar [Setiausaha Bahagian (Unit Audit Dalam)]

Puan Zarith Sofia binti Jaafar [Ketua Unit Integriti]

Puan Norsiah binti Ujang [Ketua Penasihat Undang-undang]

Puan Zairani binti Tugiran [Penasihat Undang-undang]

Puan Norfazrin binti Mohamad Noh [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Governan IPTA) JPT]

Encik Mohamad Afizal bin Mehat [Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Governan IPTA) JPT]

*samb/-*

**SAKSI-SAKSI** *(samb/-)*

**Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif [Naib Canselor]

YBhg. Prof. Madya Dr. Ariza binti Ibrahim [Bendahari]

Encik Baharin bin Salim @ Abdullah [Pegawai Kewangan (Unit Audit Dalam)]

Encik Hasrul Yamin bin Ab. Hamid [Penolong Akauntan]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA****Rabu, 22 Mac 2017****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.05 pagi*****[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Pengerusi:** Boleh kita mula ya? *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, pegawai-pegawai daripada Dewan Rakyat, Yang Berbahagia Datuk Juhari bin Haron; Pengarah- belum Timbalan lagi? Menanggung kerja Timbalan *[Ketawa]* Seterusnya pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan, JPA dan sebagainya.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang dapat hadir pada pagi ini untuk kita membuat prosiding PAC dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Sebenarnya banyak universiti yang diaudit oleh- dilaporkan dalam Laporan Audit tetapi kita memilih tiga universiti sahaja untuk kita rujuk kepada Jawatankuasa PAC kerana tiga ini yang nampak kelemahan-kelemahan yang nyata. Jadi kita memanggil merekalah untuk menghadap PAC pada pagi ini.

Sebenarnya Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan tadilah, jadi kita harap kementerian ini akan dapat memberi penjelasan pada pagi ini terhadap ketiga-tiga universiti ini, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), UniSZA dan UMK. Jadi sebelum itu kita mempersilakan Audit untuk memberi latar belakang.

**Datuk Juhari bin Haron [Pengarah Sektor Audit Prestasi, Jabatan Audit Negara]:** Terima kasih Tuan Pengerusi PAC. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Hari ini kita akan bentangkan tiga universiti yang terlibat dalam pengauditan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2, Pengurusan Perolehan bagi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan dan juga Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). So kita mulakan dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Kita mengaudit Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berasaskan kepada- pada tahun 2015 kita melaksanakan pengurusan perolehan bagi tiga universiti Jadi kita berasaskan kepada tatacara perolehan garis panduan pengurusan kewangan bagi universiti-universiti, standard, sama. Bagi pembelian terus sehingga RM20,000, sebut harga – RM20,000 hingga RM50,000, Jawatankuasa

Sebutarga, Tender Terhad Lembaga Perolehan B – RM500,000 hingga RM10 juta, melebihi RM10 juta Kementerian Kewangan. Tender terbuka melebihi RM500,000 hingga RM20 juta Lembaga Perolehan B...

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kewangan tadi berapa? Melebihi RM10 juta.

**Datuk Juhari bin Haron:** Ha? Kalau melebihi RM10 juta. Melebihi RM20 juta hingga RM100 juta Lembaga Perolehan Akan dan melebihi RM100 juta untuk tender terbuka dia kena kemukakan kepada Kementerian Kewangan.

Okey, kita melaksanakan pengauditan ini bagi tempoh 2012 hingga 2014. Secara rumusannya ini kita *highlight*-kan pada Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, pertamanya kita dapati perolehan bagi ringkasan- kita ambil ringkasan. *Detail*-nya ada dalam laporan, nanti kita akan rujuk kepada muka surat dengan perenggan ya, boleh?

Okey, perolehan bagi enam projek pembinaan di Kem Kongkoi bernilai RM24 juta telah dipecah kecil secara sebut harga.

■1110

Ini boleh kita lihat kepada perenggan 3.4.1.2 Perolehan Yang Di Pecah Kecil muka surat 12. Jadi, yang itulah.

Keduanya, enam kontrak bernilai RM2.29 juta ditandatangani selepas kontrak tamat iaitu kerja sudah siap, kontrak baru tandatangan. Kerja sudah buat, baru dia buat tandatangan. Itu pun kita bangkitkan, baru mereka buat kontrak selepas projek.

Ketiganya, kerja dilaksanakan tanpa melalui proses perolehan. Maknanya dia buat kerja dahulu tanpa melalui proses yang tadi, sebut hargakah, tender terbuka, tidak ada. Maknanya dia serah terus kepada kontraktor untuk melaksanakan tugas tanpa melalui proses perolehan.

Perkara 3.2, sama juga. Kerja pembinaan bilik pameran, stor pusat, kawasan tapak tinjau VIP 1 dan 2 serta pengubahsuaian stor rumah tukang masak bernilai RM277,884 dijalankan tanpa proses perolehan juga. Kerja tidak mengikut *spec*, kualiti kerja kurang memuaskan...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Datuk, sekejap. Tidak ikut proses ini, lepas itu bayaran dia bayar?

**Datuk Juhari bin Haron:** Bayar. Kalau dia tidak ikut proses, dia lantik terus buat bayaran.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Terus buat bayaran.

**Datuk Juhari bin Haron:** Bayaran. *Means* tidak ikut proseslah.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Siapa yang bagi kelulusan setuju?

**Datuk Juhari bin Haron:** Ini nanti kita tengok maklum balas dia. Dia memang tiada kelulusan masa itulah. Semasa kita buat audit, tanpa kelulusan. Kalau tidak, kita tidak bangkit. Mana-mana ada kelulusan kita tidak bangkit, kita anggap itu 'dihalalkan'.

Nombor lima, sijil siap, yang tadilah. Bila kata dia buat kerja, kerja belum sempurna, sijil kerja siap untuk buat bayaran dikemukakan sebelum kerja disempurnakan. Itu pun salah satu kesalahan. Kemudian...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Juhari bin Haron:** Sebelum perolehan siap. Dia bagi CPC dahulu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Juhari bin Haron:** CPC belum, bayaran buat dahulu. Ini nombor lima. Kerja belum sempurna, tetapi bayaran telah dibuat pada lebih awal, pada Julai. Akan tetapi kerja itu sepatutnya disempurnakan Julai, patut Sijil Perakuan Siap Kerja dibuat tetapi masih ada orang kata kerja dilaksanakan lagi Oktober.

**Tuan Pengerusi:** Kesalahan besar itu.

**Datuk Juhari bin Haron:** Memang kesalahan semua itu. Kemudian, permohonan kemahiran merancang untuk membangunkan *any* kem, Kem Kongkoi ini daripada Majlis Daerah Jelebu tidak dibuat. So kalau tidak dibuat, maka itu yang pelanggaran itu CPC tidak dapat, itu yang lambat itu. Pengurusan peralatan hak milik ini belum dilaksanakan adalah itu proses biasalah. Ini memang berlaku di mana-mana. Itu yang ringkasan, kalau hendak tahu yang *detail* itu boleh tengok dalam kita punya lampiranlah. Kalau kita hendak tengok kontrak projek pembinaan Kem Kongkoi ditandatangani selepas tamat kontrak itu lebih kurang kita ada enam kerjalah. Kontrak lewat ditandatangani 10 kerja.

Kemudian, kita akan tengok *next slide*... *[Pembentangan merujuk slide]*

*Next slide detail* ya. Penemuan, *next slide-detail*. *Detail* boleh ditengok pada skrin. Ada? *Next*. Ini dia punya *detail*lah, yang kerja-kerja kita tengok bina/menyiapkan surau, bina/menyiapkan asrama lelaki. Kalau kita tengok tempoh itu, 5 Jun, 8 Julai, 30 Jun, 8 Julai, 27 Jun, 27 Jun yang mana dalam masa yang lebih kurang hampir samalah yang dibuat pecah kecil. Sepatutnya kena pakai tender ini.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Juhari bin Haron:** Yes. Di satu tempat, lokasi. Projek pembinaan ini dia tidak boleh buat macam terpisah. *Next*.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Projek dipecah-pecahkan, dibenarkan atau tidak?

**Datuk Juhari bin Haron:** Tidak dibenarkan. Projek-projek dia kena pakai tender sebab dia melibatkan *wiring*, melibatkan jumlah yang besar semua.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Juhari bin Haron:** Surau buat asing.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Juhari bin Haron:** Tidak boleh.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Datuk Juhari bin Haron:** Akan tetapi kalau yang ini kita sudah minta dia tubuhkan jawatankuasa siasatan dalaman, kita belum mendapat keputusan. Akan tetapi keputusan sudah ada, saya sudah dimaklumkan, nanti kita tanyalah keputusan dia dengan kementerian itu sendiri. Laporan dia saya rasa, laporan tidak dikemukakan kepada Audit. Saya ingat JPA dia kemukakan tidak? UPNM, tidak dikemukakan. Sepatutnya, bila Laporan Audit Negara ini, dalam *town hall* pun sudah dimaklumkan bahawasanya Jawatankuasa ini dikemukakan oleh pihak JPA kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi mengarahkan universiti-universiti berkenaan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman dan mereka mesti kemukakan laporan tersebut kepada pihak JPA dan Audit supaya kita tengok balik. Kita hendak tahu juga keputusannya.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Ini bajet untuk universiti?

**Datuk Juhari bin Haron:** Ya, universiti.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Jadi selama untuk keluaran projek-projek?

**Datuk Juhari bin Haron:** Ya?

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Maknanya bajet untuk universiti, jadi universiti yang menguruskan untuk projek-projek.

**Datuk Juhari bin Haron:** Universiti yang menguruskan projek sendiri.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Tidak mengikut peraturan kewangan...

**Datuk Juhari bin Haron:** Peraturan dia.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Peraturan dia, universitilah?

**Datuk Juhari bin Haron:** Ya.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Dia tidak mengikut peraturan universiti.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Juhari bin Haron:** Universiti.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Juhari bin Haron:** A to Z.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Pengerusi, hendak buat penjelasan tentang slaid...

**Datuk Juhari bin Haron:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Slaid 35- ini maklum balas daripada UPNM. Dia kata di sini, sekiranya projek dilaksanakan secara konvensional, UPNM akan menanggung risiko kenaikan kos, tempoh penyiapan projek lebih lama serta prestasi kontraktor yang masih belum dapat dipastikan sehingga beberapa komplikasi lain yang berkaitan. Jadi, UPNM telah mengeluarkan surat tawaran kepada kontraktor pada 8 April 2015. Perkara ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Universiti pada 9 Oktober. Isu yang saya hendak tanyanya pihak Audit, Jawatankuasa Sebut Harga Universiti ini ada kuasa kah untuk, ada *power* kah untuk meluluskan perkara yang macam inilah?

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kalau ada kuasa, kita boleh tahulah. Adakah dia ada kuasa ini?

**Datuk Juhari bin Haron:** Dia boleh pinda dia punya Garis Panduan Pengurusan Kewangan dengan meminda garis panduan itu sendiri. Akan tetapi garis panduan ini diluluskan oleh kerajaan-*Treasury*. Apa sahaja keputusan yang dibuat perolehan dan di-*endorse*. Akan tetapi sekiranya dipinda tanpa memaklumkan kepada *Treasury*, yang itu pelanggaran sebab ia tertakluk kepada Garis Panduan Perolehan. Garis Panduan Perolehan itu kena pinda. Akan tetapi di sini, dia punya kelulusan yang dimohon itu adalah pada tahun 2015. Ini bermakna dia buat dahulu. Masa sebelum itu, kenapa tidak minta dahulu dengan *board*? Kenapa dia tidak buat dahulu minta kepada *board* kalau dia tahu benda itu perlu *urgent* dan kos meningkat, sepatutnya dia *refer* balik kepada garis panduan.

Pelanggaran garis panduan itu tidak menghalalkan kelulusan tersebut sebab kelulusan tersebut berdasarkan garis panduan yang telah diluluskan oleh MoF. Ini kerana berbagai tatacaranya. Ia kena *go by* Lembaga Perolehan B, Lembaga Perolehan A, sebut harga tertakluk kepada syarat-syarat tersebut. Sekiranya langgar, dia langgar peraturannya sendiri, kelulusan itu sendiri kena di-*endorse* dan dimaklumkan kepada kerajaan sendiri.

■1120

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, daripada audit itu, daripada prinsipnya, apakah daripada 10 isu yang disebutkan itu yang paling teruk sekali?

**Datuk Juhari bin Haron:** Kalau kita tengok, pelanggaran ini bagi saya teruklah iaitu yang mana perolehan tanpa proses perolehan. Itu teruklah. *Means, you buy- you ignore totally* peraturan-peraturan kerajaan, apa lagi yang kita nak cakap? *Ignore totally* peraturan kerajaan *means you go by your own* punya peraturan. Dalam kerajaan, tidak boleh ikut peraturan sendiri. Kita terikat, *it is government money...* *[Disampuk]* Dapat geran kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Macam dia ada autonomi lah ya?

**Datuk Juhari bin Haron:** Yes. Ini pun, masa dia buat pun belum pergi *board*. Selepas itu didapati bersalah baru nak minta pergi *board*, lepas kita risik.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** *Board* setujulah maknanya, *board* universiti?

**Datuk Juhari bin Haron:** *Board* lulus pun selepas perbuatan. Dia lulus, tetapi adakah kelulusan boleh *backdate* perbuatan?

**Tuan Pengerusi:** Dia tak boleh, tak ada kuasa untuk melanggar peraturan *Treasury*...

**Datuk Juhari bin Haron:** Tak boleh. *After all*, dia dapat geran kerajaan. Nak lulus, *Treasury* boleh lulus. Pelanggaran suatu pelanggaran, dia tak boleh *backdate*. *Especially* dalam tak mengikut proses perolehan itu sendiri telah orang kata begitu *serious*.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Okey, kalau ada berlaku pelanggaran sedemikian, apa tindakan Kementerian Kewangan, Perolehan?

**Datuk Juhari bin Haron:** Kita telah minta tubuh Jawatankuasa Siasatan untuk siasat, sama ada unsur-unsur penyalahgunaan kuasa, penyelewengan ataupun unsur-unsur pelanggaran serius, cuai yang menyebabkan kerajaan rugi... [Disampuk] Kecuaian.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Ini berlaku tanpa pengetahuan Kementerian Kewangan?

**Datuk Juhari bin Haron:** Dia buat di universiti tanpa pengetahuan.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Sebab kalau Perolehan, maknanya Kementerian Kewangan bagi bajet untuk universiti, dia mesti hantar *proposal* untuk apakah projek yang hendak dilakukan, itu satu. Kedua, kalau dah dibagi bajet, tak akan dia tak ada *feedback* untuk Kementerian Kewangan?

**Datuk Juhari bin Haron:** Dia bagi bajet untuk- bajet sebenarnya *diprepare* oleh universiti cuma peraturan-peraturan sahaja yang dia ikut peraturan yang telah diluluskan oleh kerajaan di mana Garis Panduan Pengurusan Kewangan mengikut yang telah diubahsuai yang *diproposekan* oleh semua universiti seluruh Malaysia. So, projek tak masalah...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Saya ingin tahu, dalam Lembaga Universiti atau lembaga kewangan yang dikatakan dari universiti itu ada wakil tak pegawai kewangan?

**Datuk Juhari bin Haron:** Ada wakil.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Ada wakil jadi mengapa dia tidak tahu?

**Datuk Juhari bin Haron:** Akan tetapi wakil dia semasa itu tak- selepas tarikh diminta...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Takkan dia tak bagi khidmat nasihat supaya prosedur itu ada. Tak boleh guna kaedah sendiri.

**Datuk Juhari bin Haron:** Yang Berhormat, masa dia buat Perolehan, dia tak minta khidmat nasihat, tak dimaklumkan pada *board*.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Saya tahu tetapi ada wakil kan?

**Datuk Juhari bin Haron:** Bila Audit bangkit...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Ada wakil kan? Ada wakil.

**Datuk Juhari bin Haron:** *Board* tak tahu, *board* tak tahu. Wakil tetapi *board* tidak tahu kalau dia tak maklum kepada *board*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Maksud Yang Berhormat Tanjong Piai, semasa Jawatankuasa Kewangan, dia sebut Jawatankuasa Kewangan. Adakah dengan kehadiran pegawai daripada *Treasury*? Pegawai *treasury* ada tak dalam ini? Dalam jawatankuasa...

**Dr. Jamaluddin bin Mohd. Ali [Ketua Unit (TTP) BSKK, Kementerian Kewangan Malaysia]:** Tuan Pengerusi, dalam lembaga *board* universiti itu memang ada wakil daripada MOF. Akan tetapi *board* itu untuk melihat perkara-perkara yang bukan hanya khusus untuk kewangan sahaja, secara keseluruhan. Jadi kalau tidak ada laporan daripada jawatankuasa kewangan itu, *board* tidak akan tahu.

Jadi Kementerian Kewangan pun tidak akan tahu. Itulah sebabnya ada peraturan-peraturan yang disebutkan di situ untuk memastikan bahawa integriti itu sentiasa diikuti sebab itu ada peraturan. Jadi bila

berlaku perkara-perkara seperti pecahan kecil, di situ ada elemen-elemen yang kita risau berlaku perkara-perkara yang tidak baik lah. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Mungkin *board* langsung tak tahu. *They were never consulted with. If not, surely, they will stop them. Right? You must follow the procedure baru you buat. I think so, sepatutnyalah... [Disampuk]* Sebab dia orang tak tahu, okey itu satu. Keduanya, siapa yang arahkan buat kerja itu? Yang tak payah lalu *board*?

**Datuk Juhari bin Haron:** Yang itu yang kita minta. Laporan itu kita tak dapat lagi...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Akan tetapi Datuk...

**Datuk Juhari bin Haron:** ...Sebab dia ada banyak orang yang terlibat itu tapi kita kena buat siasatan, siapa yang arahkan. Akan tetapi yang itu saya tak ada maklumat. Mungkin ada maklumat dalam fail ya?... Ada, boleh?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya bagi contohlah satu ini, dia sebut sini maklum balas daripada UPM. Satu Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini. Ini perkara yang surat tawaran lewat ini. Siasatan telah selesai dilaksanakan terhadap pegawai berkenaan. Jadi apa siasatan, apa tindakan tak sebut.

**Tuan Pengerusi:** ...Kita ada tiga kan? So, kita nak panggil dulu satu, macam mana kaedahnya?

**Seorang Ahli:** ...Kalau ikut ini tiga-tiga jalan sekali kemudian baru kita panggil semua masuk. Naib Canselor semua sudah ada.

**Tuan Pengerusi:** Naib Canselor akan seorang-seorang lah kan? KSU,

**Beberapa Ahli:** Seorang-seorang.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Kelantan...

**Datuk Juhari bin Haron:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, bagi Universiti Kelantan pun sama juga kita buat perolehan bagi tahun 2012 hingga 2014. So, antara rumusan. Cuba pergi ke *Rumusan* itu. Isu yang kita nak *highlight*-kan di sini adalah perolehan di pecah kecil iaitu pelanggaran tatacara perolehan. Perolehan melebihi had sama juga tadi iaitu kalau RM10,000, sepatutnya apabila melebihi RM10,000 dibuat *direct purchase*.

Kemudian yang 33 perolehan yang kita lihat, 18 Pesanan Tempatan dikeluarkan selepas bekalan diterima. Maknanya bekalan diterima kita keluar LO. Kelima, seterusnya tiga perolehan kerja bagi projek pembangunan Taman Riadah dan Rekreasi Tasik Universiti di Kampus Bachok berjumlah RM946,520 telah di pecah kecil, sepatutnya dibuat tender.

Keenam, dokumen kontrak tidak disediakan bagi enam perolehan secara sebut harga bernilai RM1.42 juta bagi perkhidmatan bermasa dalam tatacara perolehan yang mana bermasa mesti secara kontrak tetapi tidak dibuat secara kontrak ya, masa. Insurans tanggungan tidak disediakan bagi perolehan pembekalan perabot bernilai RM1.21 juta. Insurans tak dilanjutkan bagi perolehan kerja

berjumlah RM11.86 juta. Prosedur kelulusan perubahan kerja bagi perolehan pembinaan asrama sementara pelajar menggunakan kaedah IBS di Kampus Bachok dan Kampus Jeli UMK bernilai RM99 juta tidak dipatuhi. IPK ini dia buat tanpa merujuk kepada SO balik, kontraktor.

So, *detail*-nya kita tengok dalam jadual itu prosedur kerja perolehan tidak disediakan. Yang ini pelanggaran terhadap kaedah perolehan. Okey, ada slaid... [Merujuk pada slaid pembentangan] Yang ini kita dapati pelanggaran dia kalau boleh... [Disampuk] Prosedur tak disediakan. Bila prosedur tak disediakan semua pelanggaran berlaku lah.

Next, sama lah kalau dia kata prosedur tak dikerjakan dia tak ada orang kata nilai tertentu yang dia sepatut ikut. So, kita dapati kalau kita pakai *best practices*- Garis Panduan Pengurusan Perolehan UMK sendiri, 31 perolehan tadi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** ...*Board* dia pun universiti?

**Datuk Juhari bin Haron:** Universiti, sama sahaja. Dia ada macam yang tadi, sama juga, dia ada perolehan B dan berapa had yang tertentu kena Kementerian Kewangan.

**Seorang Ahli:** *Design*- reka bentuk?

**Datuk Juhari bin Haron:** *Board* buat, boleh. Tengok had nilai.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kalau saya rujuk slaid 17 itu, maklum balas itu kan. Bendahari UMK telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari 2/2015 berkaitan perubahan had nilai kaedah dan syarat pembelian terus dan sebut harga bagi perolehan bekalan sehingga RM500,000. Ini dalam bidang kuasa dia kah?

■1130

**Datuk Juhari bin Haron:** Yes.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Bidang kuasa pentadbiran?

**Datuk Juhari bin Haron:** Ya. Akan tetapi dia keluar pun pada bilangan 2015. Kita punya *finding* itu- bila *pathfinding* kita, dia dapati bahawasanya mungkin kos sudah meningkat, so dia *up*-kan nilai itu sendiri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** So had belian terus itu daripada RM10,000 kepada RM20,000 pun kuasa dia, *within his power*?

**Datuk Juhari bin Haron:** Yes, dia boleh.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Boleh ya?

**Datuk Juhari bin Haron:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang pekelling...

**Datuk Juhari bin Haron:** Ya. Dia ikut ni- dia *adopt* pekelling penggunaan 1BP, so dia *endorsed* balik dalam *board*. Dia ada dua cara, satu dia *endorsed absolutely* 1PP ya tanpa *modified*, yang satu lagi dia *modified*. *Certain* peraturan. Akan tetapi kena balik kepada *Treasury* yang dia *modified*. Yang di-

*modified* itu dia kena balik pada *Treasury*. Kalau dia mengikut sebiji ya, peraturan sebut tak perlu balik kepada *Treasury*.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *More or less the same*-lah.

**Tuan Pengerusi:** *Almost the same*.

**Datuk Juhari bin Haron:** Sama. Kes ini- kes Universiti Malaysia Kelantan ini sama. Sekarang kita mungkin ke UniSZA kot?

**Tuan Pengerusi:** Ya UniSZA.

**Datuk Juhari bin Haron:** Yang Berhormat Dato' Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Juhari bin Haron:** Minta izin kita pergi ke Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Tuan Pengerusi:** Ya silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Sebelum itu saya hendak tanya, perkara ini berlaku bila?

**Datuk Juhari bin Haron:** Berlaku pada tahun 2012 hingga 2014. Skop kita. Semua universiti.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Discover* ini bila?

**Datuk Juhari bin Haron:** *Discover* pada tahun 2015.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Audit lah dapat audit lah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Masa pelaksanaan ini dia keluarkan...

**Datuk Juhari bin Haron:** Masa pelaksanaan? Universiti sendiri sebagai ketua. Apa? *Vice Chancellor*- tahun 2015 juga.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Juhari bin Haron:** Antara tahun 2014 hingga 2015 kita buat. Skop kita *cover* 2012 hingga 2014 tetapi tempoh kita buat mungkin pada akhir 2014 hingga 2015. Ini kita bentang pada bulan November ni.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *But how do you manage to discover this?*

**Datuk Juhari bin Haron:** Sebab kita tengok transaksi dia. Perolehan. Kita boleh pakai kaedah-kita ada *tools*. Satu kita boleh pakai ACL. Paling mudah ACL. ACL akan *pick up* yang mana transaksi lebih pada RM10 juta benda *description* lebih kurang sama. Kita ada *tools* kita pakai. Oleh sebab itu kita jumpa, kita *scanning* sepanjang tahun punya perolehan. Kita tengok.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ini prosedur *online*?

**Datuk Juhari bin Haron:** Tak. Data dia kita guna- *download* kepada kita punya *server* ataupun kita punya...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Juhari bin Haron:** Patutnya kerja ini dibuat oleh UAD. UAD adalah dia panggil macam *inside body. Inside entity*. Kita ini *over side*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Audit ini *after completion or... ?*

**Datuk Juhari bin Haron:** Kita *over side*. Kita tengok sepatutnya bila benda ini berlaku, kita hanya ambil tiga universiti. Akan tetapi *before that previous year* kita- *before* tiga universiti kita sudah buat Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia. Benda yang sama juga. So ini jadi *lesson learnt* kepada lain-lain institusi kewangan lah- IPTA. Akan tetapi jarang sangat mereka orang kata mengambil iktibar, *lesson from what happened*, kalau tidak dikenakan tatatertib. Kalau kena tatatertib, mungkin mereka lebih berhati-hatilah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Surcharge?*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Sabariah binti Hassan [Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam]:** Yang Berhormat...

**Datuk Juhari bin Haron:** Yes kerugian yang boleh *identified* dia kena bergantung berapa hendak *charge* dia. Tatatertib.

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Maaf Yang Berhormat. Mungkin kita menerangkan sedikit tentang mekanisme bagaimana proses pengurusan kewangan berlaku di kementerian saya daripada JPA. Kita ada banyak *committee*- Jawatankuasa Kewangan Akaun setiap tiga bulan perlu dipengerusikan oleh KSU. Kita ada Jawatankuasa Audit yang juga tiap-tiap tiga bulan dipengerusikan oleh KSU. Kita juga ada Jawatankuasa Pembangunan dan di dalam Jawatankuasa Pembangunan ini dia ada juga *portion, in terms of* kewangan. Itu tiap-tiap bulan dipengerusikan oleh KSU *at the* kementerian *level*. Sepatutnya *this* mekanisme ini *ditemplate* ataupun diikuti oleh pihak universiti. Jadi ada *check and balance* dan setiap projek yang hendak dilaksanakan akan dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Perolehan.

Jadi perolehan itu selalunya ada orang luar di dalam kementerian. Orang luar sama ada dia dari Kementerian Kewangan atau kalau projek itu besar kita panggil JKR sebagai wakil supaya Jawatankuasa Perolehan itu dia telus mengurus, melaksanakan tugas-tugas tersebut. Kita juga ada SO yang memantau projek itu. Hendak tender *design* dan sebagainya. Jadi jawatankuasa inilah. Jadi tak tahulah di mana berlaku- mekanisme itu sudah ada di kementerian. Sepatutnya tidak berlaku *overlooked on this one* kalau *properly follow that SOP* dan juga senarai semak yang dibuat oleh kementerian. Itu dari segi proses kerja Yang Berhormat. Melihat kepada *all these processes it should not be ter-erase* lah sepatutnya. Terima kasih.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Dato'?

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Ya?

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Kalau kata ada *negligence* sedemikian- ini sudah berlaku. Sepatutnya kesalahan siapa ya? Kita hendak tahu siapa dalam- terlepas pandang kah apa. Oleh sebab sistem dah ada, maknanya pemantauan ada. Sepatutnya universiti kena lapor kepada kementerian. Jadi kementerian sepatut ada wakil- jadi sekarang ini sudah berlaku sebenarnya siapa yang salah, sebenarnya siapa yang bertanggungjawab ke atas ketirisan ini?

**Datuk Juhari bin Haron:** Pengalaman kita lah. Bila kita siasat dan kita buat Audit, benda berlaku di peringkat bendahari negeri dapat *trace*. Dapat tahu sebab bila dia masukkan *payment* itu macam tadi kita tengok pecahan kecil dalam tempoh yang sama. Audit masuk pun audit sudah dapat *detect*. *What's more* mereka yang menguruskan perolehan tersebut hendak kata mereka tak tahu langsung. *We from outside entity* masuk kita boleh *detect*. *So means that* perolehan itu dilepaskan dengan mengetahui bahawasanya itu pecah kecil.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Ya *that's why* kementerian ada *certain time* dia kena Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Perolehan. Jadi mengapa dia tidak ada laporan dari masa ke semasa? Jadi itulah sebab siapa yang bertanggungjawab? Sebab itu kalau berlaku sedemikian sebab kalau...

**Datuk Juhari bin Haron:** Kalau tengok minit lah jawatankuasa macam Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun, pelanggaran tidak akan dibentangkan dalam jawatankuasa punya. Cuma perolehan bagi perbelanjaan, berapa banyak, peratus berapa banyak. Kalau dalam masa itu dapat *detect*, orang yang bentang adalah orang yang pecah kecil. Macam mana orang yang bentang pecah kecil dia hendak *present* dia punya pelanggaran tersebut? Maknanya dia *hide something* yang dia tidak maklumkan dalam *board*.

*But* di sini kita kata CEO punya peranan kalau bendahari tidak maklum kat dia ini sudah berlaku pecah kecil. Kemungkinan dia maklum. Kemungkinan maklum kita tidak dapat tahu. Kemungkinan maklum tetapi suruh *proceed*. Suruh *proceed*. *So that's why* kita cadangkan Jawatankuasa Siasatan. Yang tadi tu saya hendak cadangkan supaya SPRM masuk sebab kita tengok dalam tempoh yang sama, empat syarikat dalam bina satu lokasi, empat syarikat siap tempoh yang sama. Enam-enam kerja mesti siap tempoh yang sama. Adakah enam kontraktor dengan pekerja masing-masing buat dalam masa yang sama? *Start that work* dalam masa yang sama? *Finish that work* dalam masa yang sama? Ini dikata Audit itu kita kata boleh siasat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan pengerusi, saya nak- akhirlah. Tiga universiti ini adalah universiti baharu. UPM, UniSZA dan UMK ini. Sepatutnya *all the procedures* ini memang *intact*-lah. Dia kalau universiti lama itu mungkin *do follow tradition* lama dan sebagainya seperti UM, UKM. Ini baharu. Satunya di peringkat universiti.

Keduanya macam sahabat saya sebut tadi, sepatutnya *the ministries can follow, can supervise closely* benda-benda ini. Oleh sebab benda baharu kan, *start* macam baru hendak buat pembangunan



surau lah apa semua ni. So macam mana keadaan macam ini pun boleh *overlooked* juga dan sebagainya?

■1140

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Yang Berhormat mungkin, saya punya persepsilah mungkin mereka yang menguruskan hal ehwal kewangan ini ialah pegawai baru yang baru dilantik. Jadi, mereka tidak berpengalaman dalam menguruskan perolehan kerajaan. Saya punya andaian sahaja tetapi mungkin tidak betul.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Betul kah Dato'?

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Akan tetapi Dato', saya rasa itu bukan satu alasanlah. Kalau begitu kecoh kita semua ada masalahlah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Macam, macam UMK. *First* VC itu, Datuk Dr. Radwan Cik Ros itu bukan orang baru. Dia daripada universiti lain walaupun UMK itu baru ditubuhkan. Dia daripada universiti lain. *I believe* pegawai pun bukan pegawai yang baru lantik. Sebab benda baru, pegawai yang *experience*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kementerian ini sepatutnya kalau dia ada satu mekanisme yang cukup cepat yang cukup baik. Setiap bulan, tiap-tiap tiga bulan KSU, ahli mesyuarat- pengerusikan mesyuarat bagi memantau semua perjalanan kementerian, jabatan dan juga mana-mana agensi. Akan tetapi, kalau benda ini berlaku kita tengok apa yang kita punya contoh yang berlaku di Kementerian Pertahanan hari itu. Kalau perkara ini tidak dapat *detect* awal, bank yang bagi bon itu yang tidak tersenarai dalam BAFIA dilantik juga. Sudah dua, tiga, empat tahun baru kita tahu.

*We cannot discover where the money.* Sebenarnya kebanyakan salah laku ini bukan *intentional*. Bukan secara disengajakan ataupun di rancang. Akan tetapi, kadang-kadang banyak daripada kesilapan ataupun kadang-kadang itu ada juga kan. Akan tetapi kalau kita dapat *detect* awal kerana ada satu sistem yang sentiasa mengawasi. Ini kerana matlamat kita yang pertama, mencegah. Mencegah daripada berlaku. Itu matlamat kita. Bagi mengelak satu ketirisan.

Akan tetapi, kalau ada mesyuarat tiap-tiap bulan, adakan mesyuarat tiga bulan, mesti perkara ini telah dapat dikesan. Kenapa dari tahun 2012, baru sekarang kita dapat kesan.

**Datuk Juhari bin Haron:** Kemungkinan apa yang Yang Berhormat Jasin kata itu kita kena tengok bagaimana dia perkasakan universiti UAD dia. Kemungkinan UAD itu, universiti sendiri tidak ada *staff*. Tidak ada kekuatan pengalaman, pengetahuan, *auditing to aspect* kita tidak tahu. So, ini kita kena tanya bagaimana dia boleh perkasakan UAD, bagi memastikan semua peralihan dia mengikut *touch up* perolehan. Itu sahaja.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sikit sahaja, *I just want to ask Audit*, yang dia orang universiti ini yang buat kerja-kerja benda macam ini kenapa dia tidak *go through* JKR. *Is it part of the program* yang universiti menggalakkan usahawan dalam universiti itu niaga. Kenapa semua ini dia buat

sendiri tidak ada *go through JKR, you know all this thing*. Ini semua buat bangunan, buat itu, buat ini. Kenapa dia, semua dia.

**Datuk Juhari bin Haron:** Tadi ada kategori perolehan juga. Macam kalau kes tender terbuka itu, dia boleh salurkan kepada JKR. Kalau dia ada teknikal sendiri. Kalau tidak ada dia kena balik pada JKR atau dia lantik konsultan dengan diluluskan oleh kerajaan. Kalau dia hendak buat dia tidak ada kepakaran, dia kena tolak pergi kepada JKR. Itu bagi *government* ataupun dia boleh lantik secara konsultanlah. Dengan kelulusan kerajaan juga.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Minta maaf Yang Berhormat ya. Bukan kata kita hendak menjatuhkan kawan kita JKR. *But this is, based on experienced and what we are getting the information from others*, lah. Kalau boleh hendak mengelak JKR terus. Fasal apa dia kata, makan masa panjang, bertahun-tahun baru hendak mula. Ini masalah dia. Terpaksa dia minta kebenaran untuk melaksanakan sendiri atau melalui konsultan. Betul.

**Datuk Juhari bin Haron:** Tuan Pengerusi, untuk...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kos bahan pun naik, kan. Kos.

**Datuk Juhari bin Haron:** Yes. Okey.

**Tuan Pengerusi:** Boleh panggil ya.

**Datuk Juhari bin Haron:** Boleh-boleh. UniSZA ini, UniSZA dia kelemahan tidaklah ketara sangat antara tiga universiti ini, UniSZA paling yang agak baiklah. Cuma dia dari segi kontrak tidak sediakan bagi sebut harga tiga tender. Tidak sedia. Kontrak bernilai RM4.6 juta lebih empat bulan dan ada juga kontrak RM2.3 juta belum ditandatangani hingga siap. Bon tidak meliputi kontrak. EOT. Lewat, okeylah itu sahaja.

*[Saksi-saksi dari kementerian/jabatan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi; Yang Berbahagia Datuk Nik Ali bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan; pegawai-pegawai daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Terlebih dahulu bagi pihak PAC mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Tan Sri dan pegawai-pegawai kakitangan Kementerian Pengajian Tinggi hadir ke prosiding PAC pada pagi ini.

Seperti yang Tan Sri dan Datuk-Datuk sedia maklum bahawa Laporan Ketua Audit Negara telah melaporkan berhubung dengan tadbir urus serta khususnya dari segi perolehan universiti-universiti awam iaitu universiti- semualah sembilan semua Universiti Malaya, Universiti Sains, Universiti Sarawak, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Malaysia Pahang. Walau bagaimanapun, kita memilih tiga universiti ini kita anggap agak serius dari segi dia punya tatacara

pengurusan perolehan mereka dan universiti itu ialah Universiti Pertahanan Nasional, Universiti Sultan Zainal Abidin, dan Universiti Malaysia Kelantan.

Kita buat prosiding mengikut universiti-universiti ya. Universiti pertama universiti mana?

*Portion [Saksi-saksi daripada Universiti Sultan Zainal Abidin]*

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Tuan Pengerusi:** Sultan Zainal Abidin dahulu ya. So, Sila. Saya faham siapa yang ada.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur [Ketua Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi]:** VC Canselori.

**Tuan Pengerusi:** Oh, VC dia. VC sendiri ya dah maklumkan apa yang hendak di perjelaskan ya. Datuk Juhari. Ya, boleh.

**Datuk Juhari bin Haron:** Terima kasih Tuan Pengerusi bagi Universiti Sultan Zainal Abidin kita ada berapa isu yang kita bangkit dalam Laporan Audit Negara 2014, Siri 2. Pertama, berkaitan dengan acara rumusan yang kita buat dalam Laporan Audit Negara, Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal tidak dilantik untuk menyediakan spesifikasi teknikal secara menyeluruh bagi perancangan perolehan sebagaimana yang ditetapkan dalam Tatacara Kewangan dan Perakaunan.

Kedua, perolehan kerja berjumlah RM437,125 tidak mengikut spesifikasi yang diluluskan. Ketiga, perolehan CCTV berjumlah RM648,894 dilaksanakan tanpa perancangan teliti, menyebabkan objektif utama pemasangan tidak tercapai. Menyebabkan perubahan *storage system* tidak mengemukakan untuk kelulusan Lembaga Perolehan 'B' sebelum pembekalan dilaksanakan.

#### ■1150

Seterusnya dokumen kontrak tidak disediakan bagi 28 sebut harga dan tiga tender berjumlah RM8.62 juta, manakala satu kontrak bernilai RM4.11 juta ditandatangani melebihi empat bulan dan kontrak bernilai RM2.3 juta belum ditandatangani pada ketika kita buat audit. Tempoh bon pelaksanaan bagi satu perolehan sebut harga bernilai RM496,000 tidak meliputi tempoh kontrak yang dinyatakan dalam kontrak. Kelewatan permohonan lanjutan masa antara 34 hingga 60 hari dan kelulusan EOT mengambil tempoh antara 13 hingga 27 hari bagi dua sebut harga. Manakala kelemahan lain kita dapati EOT melebihi tempoh asal penawaran kerja bekalan antara 123.8 peratus sehingga 154.8 peratus.

Isu seterusnya pembayaran bagi penyenggaraan sistem Ilmu Perdana berjumlah RM30,000 dibuat pada 16 April sebelum perkhidmatan penyenggaraan diterima sepenuhnya pada bulan Disember 2014. Mesin pemerah susu lembu serta bekas susu aluminium berjumlah RM32,780 tidak digunakan secara optimum sejak tahun 2012 berikutan perolehan ternakan lembu hanya dilaksanakan pada tahun 2014. Peralatan pembelajaran dan penyelidikan berjumlah RM786,458 tidak diletakkan di lokasi yang

bersesuaian berikutan makmal yang khusus masih dalam pembinaan dan menyebabkan peralatan tidak digunakan untuk aktiviti pembelajaran dan penyelidikan.

Itu sahaja isu ringkasan yang dilaporkan yang mana mungkin pihak Universiti Sultan Zainal Abidin ada maklumat terkini untuk dimaklumkan pada PAC.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tan Sri.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Terima kasih. Sebelum itu Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi; Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah; Yang Berhormat Dato' Sri Wee Jeck Seng; Yang Berhormat Dato' Takiyuddin bin Hassan; dan juga Datuk Juhari bin Haron, Datuk-Datuk, puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Sebelum saya menjawab ini, saya hendak menyatakan bahawa dalam persediaan kami menjawab persoalan ini kami dapati sebenarnya *dashboard* adalah *green* maknanya selesai. Bagaimanapun memandangkan dipanggil kali kedua maka kami menyediakan jawapan yang lebih terperinci tetapi sekiranya hendak memerlukan lagi *explanation*, kami akan maklumkan bersama dengan tim kami. Pertamanya, Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal ya. Butiran 6.4.12 muka surat 137 yang mana di sini UniSZA tidak mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan kerana Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi Teknikal tidak ditubuhkan.

Maklum balas kami ialah memang kami akur bahawa tiada pelantikan rasmi. Apa yang ada, kelazimannya di universiti-universiti kita ialah Jawatankuasa Sebut Harga sahaja. Jawatankuasa Spesifikasi tidak ada dan tidak diwujudkan pada masa itu ya dan penyediaan spesifikasi dilaksanakan di peringkat PTj tanpa pelantikan rasmi. Selepas kami menerima teguran audit ini dalam konteks UniSZA maka pada 1 April 2015, surat pekeliling telah- *click on the "Surat Pekeliling" please... [Merujuk kepada slaid pembentangan]* Surat Pekeliling ya.

Kami telah mewajibkan penubuhan dan pelantikan rasmi Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal bagi semua perolehan secara sebut harga dan tender. Kami juga melantik, mengadakan surat pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal di PTj pada tahun 2015. Jadi ekoran daripada teguran Audit, kami akur dan juga telah mewujudkan jawatankuasa seperti yang dinyatakan itu. Itu untuk yang pertama ya, isu pertama.

Isu kedua ialah, isu tidak mengikut spesifikasi atau cadangan hiasan dalaman untuk atrium dan bilik mesyuarat perpustakaan. Ini untuk bilangan 6.4.21a ya, muka surat 138. Penemuan Audit ialah kelemahan penentuan spesifikasi dan pemantauan kerja hiasan dalaman iaitu *roller blinds*, meja mesyuarat dan *pigeon-hole* yang menyebabkan UniSZA kerugian bagi kerja yang tidak menepati spesifikasi dalam aspek pengurangan dalam spesifikasi ubahsuai tanpa pengurangan kos perolehan. Pertambahan dalam kerja yang dilaksanakan berbanding spesifikasi asal pula tidak memberi nilai tambah kepada UniSZA. Itu merupakan penemuan Audit.

Maklum balas kami ialah kami akur berlakunya kerja yang tidak mengikut spesifikasi kerana perubahan keperluan dalam aspek keselamatan. Pada masa kita membuat spesifikasi terdahulu kita tidak nampak keselamatan dan bila kaji semula aspek keselamatan kita ambil kira dalam perpustakaan berkenaan. Walau bagaimanapun kita lihat tiada kerugian yang dialami oleh UniSZA ekoran daripada perubahan spesifikasi berkenaan. Begitu juga perubahan adalah untuk keperluan *security* pihak perpustakaan yang seperti saya nyatakan tadi yang akan memberi ruang kepada hadangan keselamatan. Ini kerana kalau kita wujudkan atau kita adakan juga ia akan mengadang untuk *exit*, keselamatan di dalam *library* itu sendiri.

Ekoran daripada itu juga, minit perbincangan perubahan spesifikasi yang bersidang pada 19 September 2012 telah diadakan jam 9.30 pagi dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga ke-118 juga telah diadakan pada hari yang sama. Tindakan penambahbaikan kita pula ialah pihak UniSZA telah mengeluarkan Tatacara Kewangan dan Modul Perolehan serta dokumen rujukan berkaitan di laman sesawang Pejabat Bendahari dan memastikan PTJ merujuk kepada dokumen berkenaan.

Di samping itu, kita juga mengadakan senarai latihan ya, yang telah dilaksanakan di atas kelemahan yang kita dapati dari segi perancangan permulaan kepada sesuatu projek itu. Kursus-kursus yang kita adakan antaranya ialah kursus pengurusan aset yang telah dijalankan, Kursus Pengurusan Pendahuluan dan Tuntutan yang akan datang, dan Kursus Pengurusan Kewangan Umum juga yang akan datang.

Isu ketiga iaitu bekalan tidak mengikut spesifikasi iaitu 200 unit sistem kawalan keselamatan kamera litar tertutup dan peralatan *unified multiprotocol storage area network* yang melibatkan RM648,894. Penemuan pada Audit ialah kelemahan dalam perancangan awal bagi menentukan spesifikasi CCTV, keupayaan sistem menyebabkan kos perolehan peralatan. Keduanya, pemantauan yang kurang berkesan mengakibatkan perubahan kepada spesifikasi, pembekalan dibuat tanpa kelulusan Lembaga Perolehan 'B' walaupun tiada perubahan kos.

Memang kami akur atas kelemahan yang telah dilakukan ya terutamanya dalam perancangan awalan ini. Walau bagaimanapun ia menguntungkan UniSZA untuk jangka masa panjang. *To put it simply* CCTV, ini melibatkan tiga kampus yang berjauhan dan kita memerlukannya untuk keselamatan *students* kita. Kelulusan perubahan spesifikasi oleh Mesyuarat Lembaga Perolehan 'B' ke-40 telah diadakan pada 12 Mac 2015. Perubahan spesifikasi bekalan tersebut adalah disebabkan ketiadaan stok semasa dan pihak pembekal telah memberi peralatan yang mempunyai spesifikasi yang lebih baik tanpa implikasi kos. Perkaranya begini, kalau kita lihat CCTV itu katalah dia memberikan CCTV yang tahap katalah kategori 'A'. Selepas itu *the vendor* kata, *that* kita kena mengadakan CCTV yang kategori 'B' kerana tidak ada di pasaran dan tidak akan melibatkan kos.

## ■1200

Selepas itu bila kita pasang dan bila audit datang, kita ada TV di dalam bilik kawalan, TV tidak terang. Bila kita kaji pula, rupa-rupanya kena pula tukar *the terminal. What we call it?* Terminal... [Disampuk] *Terminal monitor*. Bila *terminal monitor* ini yang kita hendak tukar itu, maka ia melibatkan kos. Kos RM20,000. *So that was the issue* yang mana kami akur bahawa sememangnya daripada perancangan awal kita, memang kita agak tidak mengawal perancangan. Juga *by the fact that the vendor* mengatakan bahawa bekalan itu tidak ada pada masa berkenaan, maka kita *switch to another TV*. Tindakan pembaikan ialah kita membuat pelantikan Jawatankuasa CCTV di peringkat UniSZA, kita memberi latihan kepada pengawal keselamatan supaya penggunaan CCTV dapat digunakan secara optimum dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala, pemantauan berterusan keberkesanan sistem ini oleh Unit Audit Dalam UniSZA.

Seterusnya isu yang keempat, kontrak tidak atau lewat disediakan. Kegagalan UniSZA mematuhi peraturan perolehan iaitu tidak atau lewat menyediakan kontrak menyebabkan kepentingan UniSZA tidak dilindungi. Maklum balas daripada sini ya, kita akur ke atas kegagalan UniSZA menyediakan kontrak. Walaupun tiada perjanjian formal ditandatangani sehingga kini, kita melihatkan bahawa bekalan ataupun servis yang diberi adalah sempurna dan memuaskan hati pihak UniSZA. Kontrak perjanjian telah disediakan bagi semua perolehan yang dimaksudkan tadi.

Dalam konteks tindakan penambahbaikan, pihak UniSZA telah mengeluarkan garis panduan-*please click on* itu ya. Garis panduan pelaksanaan kontrak dalam perolehan kerajaan kepada semua PTJ pada 30 April 2015. Keduanya, pihak UniSZA telah mengeluarkan surat peringatan pelaksanaan kontrak perjanjian dalam perolehan kerajaan pada 23 Julai 2015. Ketiga, penambahbaikan kita ialah peringatan kedua telah dikeluarkan pada 19 Jun 2016 iaitu setahun selepas berlakunya peristiwa itu dan juga kita memberi latihan kepada staf PTJ.

Seterusnya penemuan kelimanya, bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh kontrak bagi *Agropreneurs*— Pembinaan Reban Ayam bernilai RM496,000. Penemuan ialah pemantauan kurang memuaskan ke atas tempoh liputan bon pelaksanaan. Maklum balas yang kita beri ialah memang kita akur ke atas kelemahan pemantauan bagi tempoh liputan bon pelaksanaan seperti mana yang telah dibangkitkan dan juga penubuhan Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa pada 1 Januari 2015.

Tindakan penambahbaikan kita ialah pihak UniSZA, kita telah mewujudkan Unit Kontrak (Pasca Perolehan) di bawah Bahagian Perolehan dan ini merupakan strukturnya. Pejabat Bendahari pada April 2015 yang memantau dokumen bon pelaksanaan, menyediakan perjanjian perolehan dan memantau prestasi pembekal unit kontrak ini dan akan memastikan juga bon pelaksanaan dibuat secara mengikut tempoh masa yang ditetapkan termasuk liputan tempoh kontrak.

Seterusnya yang keenam, permohonan dan kelulusan lanjutan masa selepas tarikh siap kerja asal. Ini mengenai EOT ya iaitu kontraktor projek *Agropreneurs*— Pembinaan Reban Ayam dan

pembekalan perabot meja kerusi, komputer dan kerusi Makmal Komputer PTM. Pemantauan dari sini ialah merupakan EOT ialah *outside of the project*. Maksudnya projek telah dijalankan baru ada dibuat *extension*. Maklum balas, pihak UniSZA akur dengan kelemahan pemantauan EOT kontraktor. Maklum balasnya juga menyatakan bahawa penubuhan Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa pada 1 Januari 2015. Tindakan penambahbaikan pihak UniSZA, telah menubuhkan satu Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa ataupun EOT yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan (JPP) pada 1 Januari 2015 bagi memantau pelaksanaan projek dan permohonan EOT.

Seterusnya yang ketujuh, isu ketujuh atau kes ketujuh, tempoh lanjutan masa melebihi tempoh asal kerja atau bekalan. Tempoh ini ialah mengenai projek *Agropreneurs*- Pembinaan Reban Ayam yang mana dan juga pembekalan yang sama tadi ya, meja kerusi yang boleh menyebabkan matlamat perolehan tersebut tidak tercapai serta tidak mencerminkan ketelusan dalam proses perolehan terutama dalam pemilihan kontraktor yang layak untuk diberikan kontrak. Kes enam dan tujuh ini ialah merupakan kes sama ya, isu EOT. Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga UniSZA dan menerima alasan yang diberikan dan permohonan diluluskan atas faktor luar kawalan dengan peringatan kepada PTJ berkenaan. Tindakan penambahbaikan, pihak UniSZA telah mewujudkan Jawatankuasa Lanjut Tempoh Masa seperti juga di nombor enam tadi yang mana dipengerusikan oleh Pengarah JPP pada 1 Januari 2015.

Isu kelapan, pembayaran dibuat sebelum perkhidmatan diterima sepenuhnya. Sistem Ilmu Perdana iaitu penyelenggaraan satu sistem- pada awalnya, UniSZA membuat pembayaran sebelum perkhidmatan diterima, *one-shot, one-off* diberi sebelum servis diterima. Akan tetapi selepas ada teguran oleh audit, maka *the first six months*, sebagaimana setelah servis diterima *the first six months*, bayaran dibuat. *The second six months*, maksudnya daripada Julai hingga Disember pula, *the second six months* bila telah dapat servis, maka pembayaran dibuat. So, ada tindakan penambahbaikan dari konteks servis diterima baru boleh buat bayaran selepas audit masuk. Kalau sebelum itu, kita bagi *one-shot* kepada servis yang masih belum diterima.

Peralatan tidak diguna secara optimum. Ini mengenai *Portable Machine Milking*. Kelewatan pembekalan haiwan ternakan menyebabkan- ini penemuan Audit ya. Kelewatan pembekalan haiwan ternakan menyebabkan latihan amali Kursus Produksi Lembu Tenusu oleh pelajar terpaksa dilaksanakan di agensi keluar dengan kekerapan sekali setahun. Peralatan yang diperoleh awal tidak digunakan secara optimum dan lokasi penyimpanan aset yang tidak sesuai kerana terdedah kepada perubahan cuaca. Dalam perkara ini juga- ini juga sama dengan apa yang berlaku di kes 10. Sebenarnya, yang alatan *portable machine* itu adalah untuk pengajaran dan pembelajaran dan bukan untuk ladang ternakan. So, tidak ada relevan dalam konteks kita hendak mengadakan ladang ternakan, disebabkan itulah maka kita hendak *portable machine*. Sebenarnya kita hendak mengadakan *portable machine* untuk pelajar-pelajar menggunakannya dalam konteks pembelajaran mereka.

## ■1210

So dalam hal ini ialah seperti yang dinyatakan maklum balas, pengajaran dan pembelajaran untuk *portable machine* itu yang mana dan telah diguna semaksimumnya untuk kursus-kursus bagi program ijazah muda produksi dan kesihatan haiwan. Sehingga tahun 2016 seramai 135 orang graduan telah dikeluarkan oleh UniSZA untuk program ini ya. Yang mana kalau kita lihat pembelian ialah pada tahun 2012 dan telah digunakan.

Mengenai kelewatan pembekalan haiwan ternakan yang mana dikaitkan di sini sebenarnya kita dapat kelulusan lambat untuk mengimport lembu daripada negara Thailand. Walau bagaimanapun pembekalan ini telah selesai pada penghujung bulan Mac 2015 dan telah ditempatkan di ladang pasir. Dan surat pembekal pun ada juga kita lampirkan bersama.

Kesepuluh ialah sama juga, apa yang saya nyatakan di nombor 9 ini ya, yang mana dinyatakan bahawa alatan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Saya fikir tak payah buat-buat taklimat panjang-panjang banyak sangat. Boleh maklumkan nanti apabila kita tanya nanti lah ye. Kalau tidak banyak masa terbuang macam ini.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Saya setuju Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ada Ahli-ahli Yang Berhormat nak bangkitkan? Kita pun dah diberi taklimat oleh Ketua Audit Negara punya pegawai-pegawai. Jadi boleh kita tanya apa-apa perkara yang kita rasa penting untuk di-*highlight* dalam laporan ke Parlimen nanti ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Satu jer Tuan Pengerusi, saya nak ucap tahniah, hanya satu sahaja yang terbaik daripada UnisSZA ini semua dia akur. Semua dia akur. Apa teguran dia akur. *But it is a very costly lesson learnt from the mistake that we have already done.* Ya lah, saya bukan nak kata fasal ketirisan tetapi kerana kelemahan perancangan telah menyebabkan banyak sahaja kerugian bukan sahaja dari aspek kewangan, tetapi daripada aspek kerugian masa kepada pelajar-pelajar. Bukan sahaja peralatan tidak dapat digunakan dalam masa yang sepatutnya, ini telah menyebabkan banyak kerugian yang tak dapat kita lihat. Kalau kita dapat- *something that we cannot quantify. This is the losses incurred due to* kita punya kelemahan dalam- kita tengok peraturan perolehan pun tak dapat dipatuhi, tak dibuat. Peraturan perolehan ini yang pertamanya ditegur ya. Lepas itu tak ikut *specs* sepatutnya, tak menyediakan kontrak, *proper contract*.

Lepas itu kalau kita dah buat kesalahan itu *at least* kita mesti ada cara pemantauan. Pemantauan kita pun tak ada. Jadi setelah kita melakukan banyak kesalahan, banyak kelemahan baru kita akur dan sekarang kita telah buat sekurang-kurangnya kita dah buat penambahbaikan. Itu sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya pun nak kongsi dengan sahabat saya tadi. Tadi kita bincang UniSZA ini universiti yang baru lagi lah ditubuhkan pada tahun 2010. Sepatutnya



institusi yang baru dia ada banyak sampel, banyak contoh yang dia boleh ikutlah. Kalau universiti lama itu mungkin orang kata *traditionally* banyak benda-benda yang dulu-dulu ini yang tak betul, ini yang baru.

Yang ketara tadi macam Yang Berhormat Jasin sebut tadi lah. Macam mana 28 sebut harga dan tiga tender berjumlah RM8.62 juta tak ada kontrak? *What instrument* yang universiti ada untuk *protect interest* universiti ini. Kalau- *alhamdulillah* projek ini semua berjalan elok. Kalau projek ini tak berjalan dengan kegagalan kontraktor dan sebagainya, apa *explanation* kita boleh bagi, *legal aspect*-nya macam mana?

Kemudian, begitu juga bon. Bon pelaksanaan tidak meliputi tempoh kontrak. So, kalau pergi *court* memang kalah percuma, bukan menang percuma. Jadi, ini nasib baik lah, nasib baik tak berlaku benda itu. Itu komen saya lah Tan Sri, terima kasih.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Terima kasih kepada komen kedua-dua Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Jasin menyatakan tentang perancangan yang merugikan rakyat kepada umumnya dengan berlakunya isu-isu yang dibangkitkan contohnya peraturan perolehan tidak ada *specs* dan seperti tidak ada kontrak. Sebenarnya memang kami mengakui kerana apa yang berlaku di universiti-universiti ialah mereka ada Jawatankuasa Sebut harga. Akan tetapi tidak diwujudkan jawatankuasa *specs*. Bukan universiti UniSZA sahaja, malahan semua universiti terlibat sama. Jadi kelemahan itu telah kami perbaiki bahawa yang semua universiti mesti ada jawatankuasa *specs* dengan adanya Audit dalam memasuki universiti-universiti tersebut.

Pada masa yang sama, saya kira bukan sahaja di universiti, ramai yang kes pemantauan. Pemantauan lah mana-mana agensi kerajaan kita, kita dapati kelemahan pemantauan. Di sini pemantauan ini mesti ada komitmen ataupun ada satu unit khusus untuk pemantauan. Antaranya saya lihat satunya kalau ada Unit Audit Dalam, dalam konteks pemantauan kewangan. Sebenarnya Unit Audit Dalam ada di dalam semua universiti. Malahan kementerian pun ada Unit Audit Dalam. Akan tetapi bagaimana kita menjalankan pemantauan itu menjadikan satu persoalan yang mana kita perlu *be aggressive* dalam pemantauan.

Pemantauan bukan sahaja dari segi kewangan, tetapi kalau kita ada pembangunan projek-projek. Pemantauan sangat penting di sini yang mana melibatkan contohnya JKR, dan juga kementerian. Dalam konteks universiti misalnya, mereka tidak menggunakan wang federal. Kebanyakan peruntukan mereka menggunakan daripada wang *reserve*. Ini melibatkan universiti-universiti lain. Wang *reserve* yang ada pada mereka. Jadi mereka berpandangan bahawa dengan wang *reserve* ini mereka akan *independent*. Akan tetapi setelah saya menghubungi bahagian Kementerian Kewangan, Kementerian Kewangan menyatakan bahawa walaupun wang *reserve* itu adalah dapatan ataupun peruntukan sendiri oleh universiti-universiti tetapi apa jua kegunaan wang *reserve* itu mesti di CC kepada bahagian Bajet Kementerian Kewangan. So, *that is more clearer* dalam konteks itu.

So, itu dari segi pemantauan yang mana saya dah menyatakan kepada universiti bahawa mereka perlu berhubung terus apa juga perbelanjaan berhubung terus dengan Kementerian Kewangan. *Thank you.*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tan Sri, adakah itu tanggungjawab Tan Sri untuk memastikan pegawai yang bertanggungjawab di universiti UniSZA itu berpengalaman? Adakah pegawai waktu itu tidak berpengalaman langsung?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada pendapat saya sendiri, apa yang berlaku ini ialah bukan semasa VC sekarang, tetapi VC terdahulu. Malahan kebanyakan kes ini VC terdahulu. Kebanyakan kerja ataupun peruntukan kewangan ataupun pembangunan dipegang oleh bendahari ataupun jawatankuasa pegawai-pegawai mereka. Bukan VC itu sendiri sebagai pegawai pengawal. Jadi kelemahan itu saya telah maklumkan kepada mereka bahawa selepas ini- selepas saya di PAC sekarang, saya akan memanggil semua VC, *to sit down* dengan mereka dan untuk memaklumkan bahawa walaupun peruntukan itu daripada *reserve*, mereka jangan sewenang-wenangnya mengatakan *that's their money. Because at the end of the day*, KSU yang kena jawab pegawai pengawal.

So, itu dari konteks pengalaman itu perlu ada dan di sini juga *the DG of JPT is here*, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah dan saya telah maklumkan pada dia sendiri bahawa saya akan bertemu dengan VC selepas apa yang kita adakan hari ini. Terima kasih.

■1220

**Tuan Pengerusi:** Dia begini. Di universiti ini dia ada satu jawatan *PTD Officers* ya. Apa nama jawatan tu, PTD? Tak ada?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Tidak ada *PTD Officers* di...

**Tuan Pengerusi:** Ya, apa nama dia, pendaftar? Pendaftar?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** *It used to be.* Dulu pernah.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Sekarang tak ada dah?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Tak ada dah. Dulu pernah dekat UM dulu ya.

**Tuan Pengerusi:** Tak, di Universiti Sains Pahang tu ada kawan saya dulu dipanggil sebagai "Pendaftar".

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Ya, pendaftar ada tetapi maknanya orang dalam universiti berkenaan juga.

**Tuan Pengerusi:** Dulu PTD dia tukar-tukar. Tak ada ya? *Secondment.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Dulu PTD punya *post but now* tak ada dah.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itulah- dia begini, saya nampak universiti ni antara orang akademik dengan pentadbiran. Kadang-kadang pentadbiran ini kalau dia bukan daripada PTD dia tak faham

*procedure government* tu. Itu satu kelemahannya. Kalau jawatan *post* itu, pendaftar itu jawatan tertutup atau *closed service* itu yang ada masalah tu. Kalau PTD, orang universiti marah pula. Dia kata “*Kenapa PTD pula jaga hal ehwal universiti?*” So, dia ada dua, akademik dengan pentadbiran. Maknanya takkan lah VC hendak tengok macam mana duit dibelanjakan? Bendahari ada. Ada dua, tiga jawatan penting. Bendahari, Pendaftar dari segi pentadbiran ya. Dari segi akademik ada satu lagi tugas dia.

Jadi orang akademik ini selalu memang prosedur dia memang tak berapa mahir [*Ketawa*] Orang akademik ini dia hendak mengkaji sains, hendak tengok lembu, tengok apa. Dia pentadbiran- Tan Sri kena fikir tu dari segi itu, *overall* tu. Maknanya kena beri latihan kepada bahagian pentadbiran tu. Dulu saya rasa PTD, bukan ya?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Dulu pernah PTD menjawat jawatan pendaftar dalam sesebuah universiti

**Tuan Pengerusi:** Pendaftar ya. Saya dulu...

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Termasuk Universiti Malaya dulu.

**Tuan Pengerusi:** Saya ada dua, tiga kawan dulu di Universiti Malaya dan Universiti Pahang dan Tanjung Malim ni apa?... [*Disampuk*] Semua PTD dulu. PTD purata dia. Sekarang sudah tak ada ya? Mungkin itu Tan Sri kena tengok dari segi pentadbiran kerana mereka ini tidak *exposed* kepada prosedur *government*, kewangan. Benda ini, kewangan ini *rigid. Very rigid. Very meticulous.* Profesor, doktor ini, pensyarah, dia mana tahu semua ini. Dia tak tahu ini [*Ketawa*] So, tugas itu patutnya tugas pentadbir lah. Nampaknya Tan Sri ni mengaku semua ya?

**Seorang Ahli:** Akur.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Terpaksa akur memang betul kesilapan itu dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Kesilapan. Oleh sebab itulah saya katakan tadi kalau dia bukan PTD dia memang bermasalah pegawai-pegawai ini. Silakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi ya, profesor pun cerdik juga [*Ketawa*] Ya, Cerdik juga. Di sinilah yang paling besar itu, yang saya nampak empat tu dengan perjanjian itu belum dibuat tapi kerja itu sudah bermula. Apakah pendapat Tan Sri untuk mengelakkan hal ini berlaku lagi?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Saya kena mengakuilah seperti apa yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi bahawa kelazimannya PTD akan mengetahui fasal peruntukan kewangan, perolehan *because* kita *exposed* dalam konteks semua agensi. Mana-mana *posting* pun kena ada pengetahuan itu. Akan tetapi berbeza dengan *lecturers*, dengan pensyarah. Jadi kalau kita hendak menyalahkan mereka 100 peratus pun, memang kelemahan ada pada mereka. Paling tidak pun yang perlu kita lihat sebab JPA ada di sini, pihak JPA. Mungkin pihak JPA *would like to look into this matter*, itu satu.

Keduanya, pensyarah ataupun sesiapa jua di dalam universiti itu boleh kita *upgrade*-kan dia punya *skills*. So, maknanya mereka ini akan kita *ensure* belajar tentang perolehan, fasal kewangan, fasal

PSM, fasal sumber manusia sebab apa, kalau seorang PTD itu mereka akan jadi mahir dalam tiga perkara ini. Akan tetapi macam pensyarah itu- ini doktor bedah otak. *Our VC is doktor bedak otak*. Dulu pernah jadi *Head of...*

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif [Naib Canselor, Universiti Sultan Zainal Abidin]:** HKL atau Hospital Kuala Lumpur.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Ya, Hospital Kuala Lumpur.

**Tuan Pengerusi:** *Neuro* lah?

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif:** Ya, *neurosurgeon*.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** *Neurosurgeon* jadi kita punya VC. Jadi hendak suruh ni saya- tetapi bagaimanapun orang bawahannya memang patut kita bagi *training*-lah selepas ini. Disebabkan itulah maka saya telah bercakap dengan VC di sini yang kita akan membuat sesuatu *to ensure that* kalau *you all* pun tak *expert* makna orang bawah *you be the expert subject matters* dalam ketiga-tiga perkara ini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya sependapat dengan Yang Berhormat Kepong tadi. Tak semestinya tenaga akademik, orang akademik ini tak mahir dalam pentadbiran. Kalau ikut Guru Besar dengan Penolong Kanan Sekolah pun daripada cikgu juga, dia boleh jadi pentadbir yang baik kan? Itu contoh sahaja lah. Cuma dalam aspek-aspek yang *specialized* misalnya kontrak ini, saya hendak tanyalah. Di universiti ada LA atau tidak, PUU tak- Penasihat Undang-undang? Itu satu. Sepatutnya *they have to look into this area*.

Keduanya, saya duduk dalam Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), jadi dalam banyak jabatan-jabatan ini kita sudah sarankan supaya adanya pegawai integriti. Sama ada dia ambil daripada SPRM kah ataupun dilantik dengan latihan secukupnya. Jadi adakah universiti ini ada tak dua-dua *post* ini lah? Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, mengenai PUU saya dimaklumkan pada tahun 2014 baru diwujudkan jawatan PUU dan hadirnya PUU dalam UniSZA. Bagi integriti pula pada tahun 2015. Selepas itu, saya kira selepas audit inilah maka lebih agresif mereka memastikan perkara ini tidak berlaku dengan mewujudkan *post* seperti yang dinyatakan. Terima kasih.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Tahun 2015.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Dalam konteks ini siapa pegawai pengawal dia?

**Datuk Juhari bin Haron:** Dia kalau macam kementerian, Tan Sri Dr. Noorul Ainur sendiri yang bertanggungjawab untuk kementerian tetapi kalau bagi universiti, akta tubuh dia, mereka punya VC yang bertanggungjawab untuk *running* semua dia punya aktiviti fasal kewangan. Akan tetapi *overall*, balik pula laporan. Akan tetapi kalau bagi kes macam berlakunya pelanggaran yang serius menyebabkan kerugian

kepada kerajaan, KSU tidak bertanggungjawab. VC yang bertanggungjawab kena *form* jawatankuasa untuk menentukan siapa yang bertanggungjawab.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** ...*Accountable* lah?

**Datuk Juhari bin Haron:** *Accountable* VC, ikut dia punya Akta Tubuh sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Di universiti jawatankuasa disiplin- jawatankuasa, ada kan? Apa lagi jawatankuasa yang perlu ada di universiti?

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif:** Sebenarnya oleh sebab kita pun ada universiti awam, ada 20 Yang Berhormat. Jadi memang kita sentiasa berinteraksi sesama universiti seperti kata Yang Berhormat Kota Bharu pun memang universiti-universiti yang baru ini memang kami amat banyak belajar daripada universiti-universiti senior yang lain. Memang kita tubuhkan jawatankuasa sendiri di peringkat universiti kita yang sentiasa juga kami berbincang juga dengan ketua pengarah dan dengan ketua setiausaha untuk setiap universiti itu sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Jawatankuasa yang penting apa dia?

**Datuk Juhari bin Haron:** Jawatankuasa Kewangan dan Akaun yang dipengerusikan oleh VC. Ada sesetengah dia sebut Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan. Dia bergantung kepada universiti tetapi bagaimanapun sebagaimana yang Tan Sri KSU sebut, saya rasa tadi KSU sudah masuk semua syor-syor audit dan salah satu faktor yang paling penting ialah mewujudkan PUU yang akan menyediakan kontrak, *go through* kontrak. Dia kena ada pegawai kontrak yang mahir kontrak tetapi tak pasti sebab dengan wujudnya unit kontrak itu dia yang *full time* untuk buat kontrak.

Cuma dalam kes yang saya tengok kebanyakannya kelemahan perolehan ini mungkin sebagaimana KSU sebut tadi. Pertama, saya hendak cadangkan supaya adakan kursus berkaitan dengan pembinaan projek-projek ini yang kes *spec* tak sedia, kurang *spec*, apa semua itu banyak. Perolehan tadi saya ingat INTAN ada buat ya, Tan Sri? Mereka ada bagi sijil untuk *certified* kan orang yang boleh perolehan bila ada *certified* daripada INTAN, maknanya dia ada sijil. Kalau salah kita boleh *charge* dia, macam akauntan juga. So, mungkin cadangan supaya hantarlah pegawai ini pergi INTAN dapatkan *certification*. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dua perkara yang baik, kewangan dengan teknikal ini.

**Datuk Juhari bin Haron:** ...Ya, teknikal paling banyak.

#### ■1230

**Tuan Pengerusi:** Sebenamya universiti-universiti ini banyak sampai dekat RM1 bilion dia punya peruntukan tahunan. Mungkin dari segi kemahiran pengurusan bendahari. Selalu Bendahari apa dia punya *qualification*. Bendahari. Siapa bendahari? Dia Bendahari yang penting. Bendahari pendaftar *this are the key*. *Legal advisor*. Bendahari, *accountant* lah dia kan?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Sekarang ini Bendahari kebanyakan kita daripada akademik. UniSZA ada akademik. Kena fikir balik ini.

**Tuan Pengerusi:** Akademik kalau pensyarah *accountancy* okeylah. Kalau...

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Okey, kami akan fikir balik atau kami akan ambil tindakan susulan atas perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Dia kena keluar *Financial Report*. Dia kena keluarkan? *Every year*. Laporan Kewangan dia... [Disampuk] Kalau dia sebagai universiti. UniSZA, akademik ya? Bendahari dia. Makna dalam?

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif:** Sebenarnya, akibat daripada lawatan Audit ini kita- sebelum itu Bendahari kita adalah daripada pentadbir. Jadi, oleh sebab kami rasakan ada sedikit kelemahan, kita tukar balik kepada akademik. Akan tetapi selepas nanti sudah bincang balik dengan Tan Sri KSU mungkin tukar balik lepas ini. Memang kita sudah rancang hendak membuat temu duga bulan depan atau bulan ini.

**Tuan Pengerusi:** Bendahari?

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif:** Untuk Bendahari dan Pendaftar. Dua-dua. Sebab Pendaftar pun kami juga akademik. Jadi, mungkin tukar balik kepada PTD ataupun pentadbir di UniSZA.

**Tuan Pengerusi:** Selalunya pendaftar bukan akademik selalunya. Bukan.

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin Abdul Latif:** Tidak. Itulah tetapi di universiti dia mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat lebih tahu. Banyak evolusi sekarang ini, di universiti ramai bahagian akademik.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada Ahli Yang Berhormat lagi? Nampaknya dia sudah akur semua. Kita ada dua universiti sekali lagi. Ada, ya? Dia ingat okeylah, yang pentingnya inisiatif mengambil- inisiatif untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan. Ya, itu yang penting.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Bukan kita punya. Okey lepas ini pergi ke universiti mana? Pertahanan. Terima kasihlah. Ini semua universiti, bukan ini.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Pertahanan.

**Tuan Pengerusi:** Ini pegawai daripada...

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Universiti Pertahanan.

**Tuan Pengerusi:** Semua ini, semua ini?

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Campur. Oh okey.

**Tan Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd. Nur:** Campur.

**Tuan Pengerusi:** Okey daripada Universiti Pertahanan ya? Pertahanan.